

# PENILAIAN RISIKO NEGARA MALAYSIA

mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2020 *(National Risk Assessment, NRA 2020)*

NRA ialah proses yang diiktiraf secara global untuk menilai dan memudahkan pemahaman tentang risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering/terrorism financing*, ML/TF) di negara ini. NRA meneliti ancaman berkaitan ML/TF yang menjejaskan negara (khususnya kaedah, skala dan sumber aktiviti ML/TF) dan mengenal pasti tahap kerentanan (*vulnerabilities*) pelbagai sektor kewangan dan bukan kewangan terhadap ancaman ML/TF. NRA merupakan usaha kolektif Malaysia yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) dan dijalankan secara berkala selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan saranan yang ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF).

NRA 2020 merupakan penilaian kali keempat yang dilaksanakan di negara ini. Penilaian ini menggunakan pelbagai sumber data kuantitatif dan kualitatif, termasuk statistik daripada pelbagai agensi, institusi pelapor, laporan dalaman dan luaran. Penilaian ini juga mengambil maklumat daripada tinjauan dan perbincangan kumpulan fokus yang dijalankan dengan agensi penguatkuasaan undang-undang, institusi pelapor serta pihak berkepentingan domestik dan antarabangsa yang lain.

NRA 2020 terdiri daripada dua penilaian umum, iaitu ancaman ML/TF yang berpunca daripada jenayah berat (penilaian risiko ancaman) dan tahap kerentanan sektor kewangan dan bukan kewangan terhadap ancaman ML/TF (penilaian risiko sektor).

## NRA 2020 terdiri daripada dua penilaian umum:

### 1 Penilaian Risiko Ancaman

memberikan pemahaman tentang kaedah, skala dan sumber jenayah domestik dan landskap aktiviti keganasan pada peringkat serantau dan global yang menimbulkan ancaman ML/TF di Malaysia. Penilaian ini juga mempertimbangkan keberkesanan langkah penguatkuasaan anti pengubahan wang haram/membanteras pembiayaan keganasan (*anti-money laundering/countering financing of terrorism*, AML/CFT) dalam menangani risiko ML/TF.

### 2 Penilaian Risiko Sektor

menilai tahap kerentanan institusi pelapor dalam penyalahgunaan sektor kewangan dan bukan kewangan terhadap ML/TF, berdasarkan ciri-ciri sektor masing-masing yang boleh dieksploitasi oleh penjenayah atau memudahkan aktiviti jenayah. Penilaian ini juga mengenal pasti jurang struktur yang terdedah kepada penyalahgunaan, serta mengukur keberkesanan struktur/mekanisme AML/CFT dalam sektor ini bagi mengurangkan tahap kerentanan sedia ada yang telah dikenal pasti.

Dapatan penilaian ini memberikan input yang sangat penting kepada penggubalan dasar dan langkah AML/CFT pada peringkat nasional dan institusi. Dapatan ini juga akan memberikan panduan kepada institusi pelapor untuk menilai keberkesanan kawalan AML/CFT mereka dengan lebih baik dan mengambil langkah yang perlu untuk menguruskan dan mengurangkan risiko yang dikenal pasti dalam NRA 2020. Orang awam secara umum juga akan mendapat manfaat daripada kesedaran yang lebih tinggi dan pemahaman yang lebih mendalam tentang risiko ML/TF di negara ini.

## Dapatan Utama

### 5 Jenayah Berisiko Tinggi

- Penipuan
- Rasuah
- Penyeludupan
- Pengedaran Dadah Secara Haram
- Jenayah Terancang

### 6 Jenayah Lain yang Ketara

- Jenayah Alam Sekitar
- Pemerdagangan Orang/Penyeludupan Migran
- Jenayah Percukaian
- Eksploitasi Seksual
- Pemalsuan
- Pemerasan

### 4 Sektor Berisiko Tinggi

- Institusi Perbankan
- Pengeluar DPI
- Peguam
- Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga

### 6 Sektor Lazim yang Disalahgunakan untuk Jenayah Berisiko Tinggi




**Sektor disalahgunakan melalui:**

penempatan atau pelapisan hasil haram secara mudah; dan

penyediaan perkhidmatan profesional yang berisiko lebih tinggi

**MSB:** Perniagaan Perkhidmatan Wang (Money Services Businesses)
**CMI:** Pengantara Pasaran Modal (Capital Market Intermediaries) contohnya Syarikat Broker Saham, Syarikat Broker Derivatif, Syarikat Pengurusan Dana/Unit Amanah, dan termasuk Pengendali Pasaran Berdaftar (iaitu Bursa Aset Digital (Digital Assets Exchanges (DAX))
**DPMS:** Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga (Dealers in Precious Metals or Precious Stones), contohnya tukang emas, peruncit barang kemas/jam tangan mewah, peniaga jongkong, pengeluar/pemborong barang kemas, dll.
**Pengeluar DPI:** Pengeluar Bukan Bank Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan (Designated Payment Instrument)

## Penilaian Risiko Ancaman: Sorotan Penting

Penilaian risiko ancaman meneliti jenayah berat dan kegiatan keganasan yang menimbulkan ancaman ML/TF di Malaysia. Kesalahan berat yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dikelompokkan kepada 22 kategori jenayah berat. Kesalahan berat tersebut juga tertakluk pada penilaian kuantitatif dan kualitatif terhadap risiko sedia ada dan keberkesanan langkah kawalan AML/CFT untuk menentukan penarafan risiko mereka. Penarafan risiko bersih ML/TF dibahagikan kepada empat kategori – tinggi, sederhana tinggi, sederhana dan rendah.


**Penipuan, rasuah, penyeludupan, pengedaran dadah secara haram dan jenayah terancang kekal sebagai kesalahan predikat yang paling lazim, dengan ancaman ML dinilai sebagai tinggi.** Di samping itu, jenayah penipuan, rasuah dan pengedaran dadah secara haram mencatatkan bilangan kes (kekerapan) dan nilai hasil (keseriusan) yang lebih tinggi berbanding dengan NRA 2017.

**Jenayah alam sekitar dan pemerasan merekodkan tahap risiko ML yang lebih tinggi** disebabkan oleh peningkatan dalam pengimportan haram sisa plastik, pembuangan sisa haram, perlombongan haram dan pemerasan berkaitan siber seperti perisian tebusan yang berleluasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

**Jenayah penculikan, pemalsuan dan cetak rompak produk, pembunuhan dan kecederaan anggota badan yang parah, pemalsuan mata wang dan rompakan/kecurian mencatatkan risiko ML yang lebih rendah** disebabkan kekerapan dan keseriusan yang lebih rendah berbanding dengan jenayah lain.

**Risiko TF di Malaysia kekal pada tahap sederhana tinggi.** Hal ini disebabkan oleh cabaran dalam mengesan transaksi bernilai rendah. Sebahagian besar ancaman TF di Malaysia melibatkan pengiriman wang ke luar negara dan sejumlah kecil dana yang dikumpul oleh individu bagi tujuan perjalanan ke zon konflik. Kegiatan keganasan terus dibiayai melalui dana yang sah, termasuk gaji, sokongan ahli keluarga dan derma daripada mereka yang bersimpati. Organisasi pengganas mengoptimumkan media sosial untuk merekrut, mengumpul dana dan menyebarkan propaganda mereka.

## Penilaian Risiko Ancaman: Sorotan Penting




| Penarafan Risiko | | Definisi Risiko |
|---|---|---|
| Tinggi | | Maklumat semasa serta penilaian faktor risiko dan kawalan menunjukkan bahawa jenayah tersebut menimbulkan ancaman ML yang tinggi.<br>Terdapat kebarangkalian yang tinggi bagi jenayah tersebut menjana dana secara haram. |
| Sederhana Tinggi | | Maklumat semasa serta penilaian faktor risiko dan kawalan menunjukkan bahawa jenayah tersebut menimbulkan ancaman ML yang sederhana tinggi.<br>Terdapat kebarangkalian yang sederhana tinggi bagi jenayah tersebut menjana dana secara haram. |
| Sederhana | | Maklumat semasa serta penilaian faktor risiko dan kawalan menunjukkan bahawa jenayah tersebut menimbulkan ancaman ML yang sederhana.<br>Terdapat kebarangkalian yang sederhana bagi jenayah tersebut menjana dana secara haram. |
| Rendah | | Maklumat semasa serta penilaian faktor risiko dan kawalan menunjukkan bahawa jenayah tersebut menimbulkan ancaman ML yang rendah.<br>Terdapat kebarangkalian yang rendah bagi jenayah tersebut menjana dana secara haram. |

## Sorotan Jenayah Utama

### Penipuan

- **Jenayah tipu** dan **skim pelaburan haram** masing-masing merupakan aktiviti penipuan yang paling lazim dan serius.
- Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan akaun keldai yang digunakan untuk memindahkan hasil yang diperoleh secara haram semakin meningkat.
- Usaha sama strategik antara agensi untuk pelbagai inisiatif termasuk pemantauan, perkongsian maklumat, kesedaran awam dan penyiasatan adalah penting dalam mencegah aktiviti penipuan.

### Rasuah

- Amalan rasuah secara sistemik yang meluas masih membimbangkan.
- Usaha yang dipergiat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mendakwa kes-kes rasuah kekal penting.
- Selain tindakan penguatkuasaan, komitmen politik yang kukuh adalah sangat penting bagi memastikan kejayaan **pelan** dan **inisiatif pencegahan rasuah kebangsaan**.

### Penyeludupan

- Aktiviti perdagangan haram berskala besar dan sindiket penyeludupan memberikan cabaran secara berterusan.
- Walaupun kawalan sempadan negara telah bertambah baik, **sempadan yang panjang dan mudah ditembusi** dengan berbilang pintu masuk secara haram terus memberikan cabaran.
- Bagi memerangi jenayah ini, kelemahan dalam perundangan semasa dan keterbatasan sumber perlu diatasi.

### Pengedaran Dadah secara Haram

- Malaysia masih terdedah kepada pengedaran dadah secara haram disebabkan lokasi negara yang hampir dengan **Segi Tiga Emas Asia (Asia's Golden Triangle)**.
- Terdapat perkembangan positif dalam menyasarkan hasil jenayah dadah melalui penguatkuasaan dan pendakwaan, namun usaha bersepadu antarabangsa terus menjadi keperluan penting.

### Jenayah Terancang

- Dianggap mempunyai **kesalinghubungan yang kuat** dengan kebanyakan (jika tidak semua) jenayah berat.
- Faktor terpenting untuk membanteras jenayah terancang dengan berkesan adalah dengan penyelarasan yang lebih baik antara agensi penguatkuasaan undang-undang.

### Keganasan dan TF

- Keganasan dan TF menunjukkan trend yang menurun disebabkan oleh **aktiviti keganasan yang berkurang oleh Islamic State (IS)**.
- Mengesan pergerakan wang tunai **yang sukar dijejaki *(under-the-radar)*** dalam jumlah yang kecil terus menjadi usaha yang mencabar.
- Tindakan penguatkuasaan telah menyekat penyebaran ancaman keganasan melalui media sosial.

## Jenayah Lain yang Ketara

### Jenayah Alam Sekitar

- Malaysia dianggap sebagai negara sumber dan hab transit untuk **pemerdagangan hidupan liar**.
- Penguatkuasaan juga perlu memberikan tumpuan pada jenayah lain yang berleluasa seperti **pemerdagangan sisa** dan **perlombongan haram**.
- Kawalan ML dan penyelarasan agensi yang lebih kukuh diperlukan bagi memastikan usaha pembanterasan yang berkesan.

### Pemerdagangan Orang/ Penyeludupan Migran

- Geolokasi yang strategik dan persamaan sosiobudaya menjadikan Malaysia sebagai transit dan destinasi untuk jenayah ini.
- Langkah-langkah kawalan perlu dipertingkat, termasuk penyiasatan, pendakwaan dan perlindungan yang lebih baik untuk mangsa.
- Pelan nasional dan pendekatan yang selaras oleh agensi penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi menangani jenayah ini.

### Jenayah Percukaian

- Meskipun terdapat peningkatan penerimaan cukai secara langsung, nisbah cukai kepada KDNK agak rendah. **Pengelakan dan penghindaran cukai** mungkin merupakan faktor penyumbang kepada hal ini.
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan antara agensi yang banyak menggunakan kaedah penyiasatan ML secara meluas untuk membanteras jenayah percukaian.
- Perlu ada tumpuan yang lebih teliti terhadap pendakwaan penjenayah percukaian selain usaha penguatkuasaan yang lebih giat ke arah mendapatkan semula hasil cukai.

### Eksploitasi Seksual

- Jenayah ini saling berkait dengan **pemerdagangan orang** dan **penyeludupan migran**.
- Kebanyakan mangsa ialah **wanita** dari negara Asia yang lain.
- **Beban pembuktian yang tinggi** dari sudut perundangan sedia ada menimbulkan kesukaran untuk mendakwa pelaku utama.

### Pemalsuan

- Kebanyakan kes pemalsuan yang disiasat melibatkan **dokumen rasmi kerajaan**.
- Kaitan yang tinggi dengan jenayah lain mampu menimbulkan ancaman terhadap keselamatan negara.
- Kes pemalsuan yang melibatkan dokumen sektor swasta yang jarang dilaporkan mungkin menunjukkan ancaman yang lebih tinggi.

### Pemerasan

- Dianggap sebagai **ancaman yang lebih tinggi** kerana mangsa masih keberatan untuk tampil ke hadapan.
- Pemahaman yang lebih mendalam tentang modus operandi yang berubah-ubah (contohnya, perisian tebusan atau *ransomware*) dan elemen kewangan yang berkaitan boleh memperkasa tindakan penguatkuasaan terhadap pelaku jenayah.

## Pemacu Risiko Utama Jenayah

Penggunaan wang tunai, keldai wang, pemudah cara/penggerak profesional (contohnya, peguam, akauntan, setiausaha syarikat) dan penglibatan kumpulan jenayah terancang telah membantu mengaburkan sumber, tujuan dan pemunyaan benefisial (*beneficial ownership*) hasil yang diperoleh secara haram melalui perusahaan berkaitan jenayah. Hal ini menjadikan hasil haram tersebut lebih sukar dikesan. Sementara itu, amalan rasuah dalam sektor awam yang melibatkan penyalahgunaan kuasa dan kedudukan oleh pegawai kerajaan menjejaskan kedaulatan undang-undang dengan membolehkan aktiviti jenayah berlaku. Di samping itu, kemajuan teknologi membuka ruang baharu lagi kreatif yang dieksploitasi oleh penjenayah bagi menjalankan aktiviti secara haram.

### Amalan Rasuah

**Rasuah** memudahkan jenayah berisiko tinggi dan jenayah lain yang ketara seperti pemalsuan, pemerdagangan orang/penyeludupan migran dan jenayah alam sekitar

### Sindiket

**Jenayah terancang** dianggap mempunyai kesalinghubungan yang kuat dengan jenayah lain, manakala penguatkuasaan pula kelihatan kurang terselaras (*fragmented*)

### Teknologi


**Jenayah yang digerakkan oleh teknologi** memudahkan penipuan, pemerasan dan pemalsuan dokumen yang dikeluarkan oleh kerajaan (contohnya, pelekat pas permit kerja palsu)

### Keldai Wang

Penggunaan khidmat keldai wang sebagai **akaun transit** yang mudah untuk penjenayah, terutamanya bagi jenayah yang berkaitan dengan penipuan

### Ekonomi Berasaskan Wang Tunai

**Wang tunai** masih digunakan secara meluas dalam menggerakkan hasil yang diperoleh secara haram. Walau bagaimanapun, semakin banyak bukti anekdot yang menunjukkan penggunaan aset maya (*virtual assets*)



## Prospek/Unjuran Risiko untuk Tahun 2021 dan Seterusnya

**Jenayah berisiko tinggi dijangka kekal pada tahap yang sama untuk tiga tahun akan datang. Namun begitu, kemajuan teknologi termasuk penggunaan aset maya (*virtual assets*) menimbulkan ancaman terhadap landskap ML/TF di Malaysia.** Penggunaan teknologi yang semakin meningkat seperti pasaran dalam talian dan mata wang kripto telah meluaskan capaian penjenayah untuk menjalankan kegiatan haram mereka (contohnya, memperdaya mangsa yang tidak menaruh syak wasangka).

## Penilaian Risiko Sektor

NRA 2020 menilai sebanyak 26 sektor, yang terdiri daripada 17 sektor kewangan dan sembilan sektor bukan kewangan, termasuk institusi perbankan, pengendali insurans dan takaful, CMI, pengeluar DPI dan sektor di Labuan, serta perkhidmatan profesional/pengawalan akses (*gatekeepers*) seperti peguam, akauntan dan setiausaha syarikat.

Setiap sektor mempunyai perbezaan dari segi ciri-ciri dan sifat yang ketara, lantas menyebabkan perbezaan risiko ML/TF yang berkaitan.

Kaedah penilaian dilaksanakan bagi membuat perbandingan antara semua sektor dengan mengambil kira kedua-dua aspek kuantitatif dan kualitatif.

## Penilaian Risiko Sektor untuk Sektor Kewangan

Secara keseluruhan, NRA 2020 menunjukkan peningkatan dalam keberkesanan langkah-langkah kawalan merentasi 17 sektor kewangan berbanding dengan NRA 2017. Peningkatan ini menyebabkan penurunan atau tiada perubahan dalam penarafan risiko bersih untuk kebanyakan sektor. Bagi beberapa sektor, penambahbaikan langkah-langkah kawalan adalah selaras dengan pertumbuhan perniagaan sektor tersebut.

| SEKTOR KEWANGAN | Pengubahan Wang Haram | | | Pembiayaan Keganasan | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tahap Ancaman | Langkah Kawalan | Risiko Keseluruhan Bersih | Tahap Ancaman | Langkah Kawalan | Risiko Keseluruhan Bersih |
| Institusi Perbankan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pengeluar DPI | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Perniagaan Perkhidmatan Wang | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pengantara Pasaran Modal | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pengantara Insurans | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pengendali Insurans/Takaful | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pemberi Pinjam Wang | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Institusi Kewangan Bukan Bank | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Broker Wang Labuan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Syarikat Pemajakan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Syarikat Pemfaktoran | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pengantara Pasaran Modal Labuan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Syarikat Pemfaktoran Labuan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pengantara Perbankan (iaitu Broker Wang) | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pemegang Pajak Gadai | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Bank-bank Labuan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pengendali Insurans/Takaful Labuan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |

**Penunjuk:**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tahap Ancaman | ● Tinggi | ● Sederhana Tinggi | ● Sederhana | ● Rendah |
| Langkah Kawalan | ▲ Lemah | ▲ Marginal | ▲ Boleh Diterima | ▲ Kukuh |
| Risiko Bersih Keseluruhan | ■ Tinggi | ■ Sederhana Tinggi | ■ Sederhana | ■ Rendah |

## Penilaian Risiko Sektor untuk DNFBP

Secara keseluruhan, terdapat peningkatan dalam keberkesanan langkah-langkah kawalan merentasi semua sembilan sektor Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (Designated Non-Financial Businesses and Professions, DNFBP) berbanding dengan NRA 2017. Walau bagaimanapun, perkembangan ini masih tidak memadai untuk menaikkan penarafan kawalan keseluruhan. Risiko beberapa sektor telah meningkat disebabkan oleh perubahan yang wujud berhubung dengan tahap kerentanan sektor tersebut serta pelarasan pada jangkaan terhadap langkah-langkah kawalan.

| SEKTOR DNFBP | Pengubahan Wang Haram | | | Pembiayaan Keganasan | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tahap Ancaman | Langkah Kawalan | Risiko Keseluruhan Bersih | Tahap Ancaman | Langkah Kawalan | Risiko Keseluruhan Bersih |
| Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Peguam | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Setiausaha Syarikat | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Akauntan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Kasino | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Ejen Harta Tanah Berdaftar | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Pusat Perjudian | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Syarikat Amanah Labuan | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |
| Syarikat Amanah | ● | ▲ | ■ | ● | ▲ | ■ |

**Penunjuk:**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tahap Ancaman | ● Tinggi | ● Sederhana Tinggi | ● Sederhana | ● Rendah |
| Langkah Kawalan | ▲ Lemah | ▲ Marginal | ▲ Boleh Diterima | ▲ Kukuh |
| Risiko Bersih Keseluruhan | ■ Tinggi | ■ Sederhana Tinggi | ■ Sederhana | ■ Rendah |

## Takrifan ML/TF Bersih untuk Penarafan Risiko Sektor Institusi Kewangan dan DNFBP

| Penarafan Risiko | Definisi |
|---|---|
| Tinggi | **Paling mudah terancam** disebabkan oleh **dedahan yang tinggi** terhadap risiko ML/TF. Institusi pelapor dalam sektor ini memerlukan **penelitian** yang **intensif** berhubung dengan pengawalan dan penyeliaan AML/CFT untuk berfungsi sebagai langkah mitigasi yang berkesan, dengan tumpuan pada subsektor yang skor risiko bersihnya lebih tinggi. |
| Sederhana Tinggi | **Mudah terancam dengan ketara** disebabkan oleh **dedahan yang agak tinggi** terhadap risiko ML/TF. Institusi pelapor dalam sektor ini memerlukan **penelitian** yang **kerap** berhubung dengan pengawalan dan penyeliaan AML/CFT untuk berfungsi sebagai langkah mitigasi yang berkesan, dengan tumpuan pada subsektor yang skor risiko bersihnya lebih tinggi. |
| Sederhana | **Boleh terancam dengan kadar sederhana** disebabkan oleh **dedahan yang agak rendah** terhadap risiko ML/TF. Institusi pelapor dalam sektor ini memerlukan **penelitian** yang **berterusan** berhubung dengan pengawalan dan penyeliaan AML/CFT untuk berfungsi sebagai langkah mitigasi yang berkesan, dengan tumpuan pada subsektor yang skor risiko bersihnya lebih tinggi. |
| Rendah | **Paling kurang terancam** disebabkan oleh **dedahan yang rendah** terhadap risiko ML/TF. Institusi pelapor dalam sektor ini memerlukan **libat urus** pengawalan dan penyeliaan AML/CFT yang berterusan bagi memastikan risiko baki (*residual risk*) dikurangkan secara berkesan, dengan tumpuan pada subsektor yang skor risiko bersihnya yang lebih tinggi. |

## Sektor Kewangan: Perubahan Utama berbanding dengan NRA 2017 dan Pencetus Risiko Utama

- **Terdapat kemajuan/tiada perubahan dalam penarafan risiko bersih bagi kebanyakan sektor** kerana penambahbaikan langkah-langkah kawalan sejajar dengan pertumbuhan perniagaan.
- Penurunan risiko bersih disebabkan oleh **pemahaman AML/CFT dan pematuhan yang lebih baik dalam kalangan institusi pelapor**, seiring dengan penyeliaan dan kawalan kemasukan pasaran yang bersesuaian.

- **Institusi perbankan** dinilai tinggi untuk kerentanan ML dan TF disebabkan oleh saiz sektor yang besar, kepelbagaian produk/perkhidmatan kewangan yang ditawarkan (termasuk melalui saluran tanpa bersemuka) dan kelaziman kes ML/TF.

- **Pengeluar DPI** dinilai tinggi untuk TF disebabkan oleh dedahan yang lebih tinggi kepada pengiriman wang rentas sempadan, transaksi tunai dan bukan tunai serta kelaziman kes TF.

## Pencetus Risiko Utama untuk Sektor Kewangan

**Pengubahan Wang Haram**

Eksploitasi akaun keldai, pemindahan dana, pengiriman wang rentas sempadan, penggunaan wang tunai serta penggunaan akaun deposit dan produk pelaburan lain iaitu unit amanah dan saham bagi merumitkan transaksi dalam kes ML yang lebih kompleks.

**Pembiayaan Keganasan**

Sifat transaksi TF yang tidak jelas (iaitu nilai rendah dan butiran pemindahan yang tidak jelas), dengan rekod transaksi kewangan yang rumit melibatkan pelbagai penerima (contohnya ahli keluarga dan pemegang akaun keldai) menimbulkan cabaran untuk mengenal pasti transaksi TF dan meningkatkan lagi risiko TF yang berkaitan.

**Pencetus Risiko Utama**

Peranan institusi perbankan sebagai penghubung kepada semua sektor kewangan dan bukan kewangan serta rangkaian yang luas menjadikannya sebagai saluran yang ideal untuk disalahguna oleh penjenayah.

Produk perbankan dan DPI seperti wang elektronik (*e-money*) berasaskan kad dengan had akaun yang tinggi (untuk pemindahan rakan setara (*peer-to-peer transfers*) dan pengeluaran tunai rentas sempadan) didapati memudahkan transaksi TF.

## Prospek/Unjuran Risiko untuk tahun 2021 dan Seterusnya

### Pendigitalan



Penyalahgunaan pengendali platform digital (iaitu pengeluar DPI dan DAX) dengan peningkatan penggunaan ciri e-dompet yang dipertingkatkan (iaitu had akaun yang lebih tinggi bagi akses dan penggunaan rentas sempadan) serta aset maya dijangka meningkatkan kerentanan pengeluar DPI dan DAX pada masa terdekat.

### Kesan COVID-19



Penggunaan platform elektronik dan dalam talian yang dipercepat (termasuk saluran tanpa bersemuka) semasa pandemik COVID-19 juga mencetuskan risiko lain yang berkaitan seperti penipuan dalam talian, perjudian dalam talian dan jenayah siber.

## Saling Kaitan Antara Ancaman dengan Kerentanan Sektor

**Tiga sektor kewangan yang lazimnya** disalahgunakan untuk jenayah ML paling berisiko tinggi dan TF melalui:




**Institusi Perbankan**

- Penyediaan pelbagai produk dan perkhidmatan berisiko tinggi yang saling berkaitan dan membolehkan akses yang mudah kepada penjenayah.
- Eksploitasi akaun keldai bagi mengelakkan pengesanan.



**CMI**

- Pembelian unit amanah dan saham, yang boleh bercampur dengan hasil dari kegiatan haram seperti penipuan dan rasuah.



**MSB**

- Pengiriman wang rentas sempadan memudahkan lagi pergerakan wang tunai.
- Pemindahan dana bernilai rendah (untuk jenayah TF) dan butiran transaksi yang tidak jelas.

## Sektor DNFBP : Perubahan Utama berbanding dengan NRA 2017 dan Pencetus Risiko Utama

**Penambahbaikan dalam keberkesanan kawalan dicatatkan merentas semua sektor.** Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak memadai untuk meningkatkan penarafan kawalan keseluruhan. Penambahbaikan terbesar dicatatkan dalam kesedaran dan pemahaman tentang AML/CFT yang semakin meningkat.

Risiko TF bersih kebanyakannya kekal tidak berubah kecuali **penyalahgunaan untuk sektor DPMS dan setiausaha syarikat** melalui penggunaan barang kemas emas atau pemudahan penubuhan entiti korporat tempatan (*domestic legal persons*) yang dikaitkan dengan pasangan warga asing untuk dana TF. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak berleluasa.

Peningkatan risiko bersih ML untuk **peguam** disebabkan oleh meningkatnya kebarangkalian penyalahgunaan atau pemudahcaraan aktiviti jenayah melalui rangkaian perkhidmatan profesional peguam yang meluas.

Risiko bersih ML dan TF yang tinggi untuk DPMS kekal tidak berubah. Produk DPMS lazimnya digunakan sebagai sogokan atau manfaat daripada aktiviti jenayah. Langkah kawalan keseluruhan sektor yang lemah mengakibatkan keadaan ini bertambah serius.

## Pencetus Risiko Utama untuk DNFBP

- **Penggunaan Perkhidmatan Profesional/ Perkhidmatan Pengawalan Akses (*Gatekeepers*)**

  **Peguam, akauntan dan setiausaha syarikat mempunyai risiko yang lebih tinggi disebabkan oleh peranan sebagai pemudah cara/ penggerak** melalui pengurusan wang pelanggan, penubuhan struktur entiti korporat yang bersifat pelindung (*shell*)/tersedia (*shelf*)/kompleks dan penyediaan perkhidmatan penama bagi mengaburi status pemilikan/kawalan

- **Perniagaan Intensif Tunai yang Tinggi**

  Sesetengah sektor, termasuk DPMS dan kasino, yang menggunakan tunai secara intensif mungkin membolehkan **kekaburan kewangan (*financial obscurity*)** memandangkan sifat tunai yang sukar dijejaki

- **Ciri Produk/Perkhidmatan yang Boleh Disalahgunakan untuk ML/TF**

  **Produk bernilai tinggi atau bernilai simpanan (*stored-value*)** digunakan sebagai sogokan atau cara untuk memudahkan aktiviti ML/TF

- **Peningkatan Risiko Dalaman Sektor**

  Firma atau subsektor yang menawarkan produk atau perkhidmatan berisiko lebih tinggi boleh menimbulkan risiko yang lebih dalam sektor yang sama (contohnya, urus niaga emas jongkong daripada perniagaan kepada pengguna (*business-to-consumer*) atau peruncit jam tangan mewah/barang kemas dalam sektor DPMS)

## Prospek/Unjuran Risiko untuk 2021 dan Seterusnya

### Pemudah Cara/ Penggerak Profesional

Peningkatan penggunaan pemudah cara/ penggerak profesional bagi memudahkan dan menstrukturkan aktiviti ML, termasuk penubuhan dan penggunaan syarikat pelindung (shell companies) sebagai helah dengan cara mengenakan lapisan terhadap hasil yang diperoleh secara haram melalui akaun pelanggan

### Anjakan Teknologi

Peralihan ke arah model pengedaran secara digital termasuk penggunaan saluran tanpa bersemuka

### Salah Gambaran (*Misrepresentation*)

Memberikan gambaran yang salah tentang aktiviti haram sebagai perniagaan berlesen contohnya, skim pelaburan haram

## Saling Kaitan antara Ancaman dengan Kerentanan Sektor

**Tiga sektor DNFBP yang lazimnya** disalahgunakan untuk jenayah ML paling berisiko tinggi dan TF melalui:

### DPMS

- Barangan mewah digunakan sebagai sogokan atau manfaat
- Segmen peruncit yang lebih mewah terdedah kepada kerentanan yang lebih tinggi

### Peguam

- Penyediaan perkhidmatan profesional yang berisiko tinggi, terutamanya penyedia perkhidmatan pusat sehenti (*one-stop centre*)
- Kemudahan penempatan atau pemindahan hasil yang diperoleh secara haram

### Setiausaha Syarikat

- Penubuhan struktur entiti korporat yang bersifat pelindung/tersedia/kompleks

## Saranan

Berdasarkan NRA 2020, 43 saranan telah dikemukakan bagi menangani jurang yang dikenal pasti serta meningkatkan tahap relevan dan keberkesanan langkah-langkah yang sedia ada. Saranan ini dikelompokkan dalam tujuh sasaran hasil utama dan telah dimasukkan ke dalam lima bidang tumpuan strategik Pelan Hala Tuju NCC 2021-2023, yang merangkumi tanggungjawab utama yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi anggota dan Kementerian yang berkaitan.

### Hasil Penilaian Risiko Ancaman

**HASIL 1**

**Rangka kerja undang-undang dan operasi** diperteguh untuk masa hadapan yang memberikan kuasa dan keupayaan penyiasatan yang sewajarnya

**HASIL 2**

**Pertukaran maklumat** yang lancar dan **perkongsian strategik** yang berkesan

**HASIL 3**

**Tindakan pencegahan, dasar, pengawalan dan penguatkuasaan yang berkesan bagi** menangani jenayah berisiko tinggi

### Hasil Penilaian Risiko Sektor

**HASIL 1**

**Pengurusan risiko yang berkesan** termasuk tindak balas yang bersesuaian terhadap bidang yang berisiko

**HASIL 2**

**Langkah kawalan** AML/CFT yang mencukupi untuk mengurangkan risiko

**HASIL 3**

**Pengetahuan, keupayaan dan kemampuan** pihak berkepentingan sektor awam dan swasta yang dipertingkatkan

**HASIL 4**

**Penyelarasan** yang dipertingkatan dalam kalangan pihak berkepentingan AML/CFT



## Lima Bidang Tumpuan Strategik di bawah Pelan Hala Tuju NCC 2021-2023

43

**Saranan**

Dimuatkan ke dalam bidang tumpuan strategik Pelan Hala Tuju NCC bagi menangani risiko dan jurang yang dikenalpasti

**Perundangan, Pengawalseliaan dan Penyelarasan**

Meningkatkan rangka kerja pengawalseliaan AML/CFT bagi memastikannya relevan dan berkesan

**Bina Upaya dan Kesedaran**

Meningkatkan pemahaman tentang kerentanan yang khusus untuk sektor (*sector-specific*) dan langkah-langkah kawalan

**Risiko**

Pengenalpastian risiko baharu dan memahami kerentanan melalui penyelarasan dan kerjasama yang berterusan

**Pencegahan**

Memperkukuh langkah-langkah pencegahan melalui penyeliaan berasaskan maklumat risiko dan kerjasama sektor swasta

**Penguatkuasaan**

Penyiasatan dan pendakwaan yang berkesan terhadap aktiviti jenayah dan penyitaan hasil yang diperoleh secara haram

